

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 8/1976**

=====

**MENJAGA KESELAMATAN DOKUMEN-DOKUMEN
PINDAHMILIK, CAGARAN-CAGARAN, MELEPASKAN CAGARAN-CAGARAN,
SURAT-SURAT KUASA DAN LAIN-LAIN DOKUMEN**

Adalah dimaklumkan iaitu satu perkara telah berlaku di mana setem-setem yang telah dimatikan oleh Pejabat Setem di atas dokumen-dokumen Pindahmilik, Cagaran dan lain-lain dokumen telah didapati hilang daripada dokumen-dokumen tersebut dan kehilangan setem-setem ini telah dilaporkan kepada polis.

2. Bagi menjaga keselamatan dokumen-dokumen ini maka setem-setem yang ada di borang-borang Pindahmilik, Cagaran dan sebagainya yang ada kaitan dengan 'dealings' hendaklah dilubangkan selepas sahaja Pindahmilik, Cagaran dan lain-lain didaftarkan.

3. Pemungut Hasil Tanah hendaklah patuh dengan arahan ini.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG. SEL. 32 Pt. 1. (24).

KUALA LUMPUR
26HB NOVEMBER 1976